

30 APR 2001

Nik Aziz-Umno

NIK AZIZ MINTA UMNO PULA JANGAN PULAU ANGGOTA PAS

TANAH MERAH, 30 April (Bernama) -- Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang sebelum ini mengarahkan anggota PAS supaya tidak memulaukan Umno, hari ini meminta pemimpin Umno memberi arahan serupa kepada anggota Umno.

Katanya sudah sampai masanya Umno mengeluarkan kenyataan yang serupa kepada anggota Umno supaya tidak mengamalkan pulau memulau ini.

"...orang Umno jangan pulau orang PAS...Umno pusat dan kerajaan pusat jangan pulau kerajaan Kelantan," kata Menteri Besar Kelantan itu ketika ditemui pemberita selepas majlis perasmian pusat Hemodialisis Hospital Tanah Merah di sini.

Pusat hemodialisis bernilai RM1.5 juta itu dirasmikan oleh Sultan Kelantan.

Nik Aziz berkata tindakan susulan oleh Umno adalah wajar kerana didapati pemimpin Umno sehingga ini memberikan maklum balas yang baik terhadap kenyataannya pada Jumaat lepas.

Dalam kenyataannya itu, Nik Aziz meminta anggota PAS menghentikan perbuatan pulau memulau anggota Umno kerana perbuatan itu merugikan PAS dan menyalahi kehendak Islam.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam reaksinya berhubung kenyataan Nik Aziz, meminta pemimpin PAS itu supaya tidak hanya mengeluarkan kenyataan sebaliknya perlu disusuli dengan amalan.

Nik Aziz ketika menjelaskan bentuk pemulauan yang didakwa dilakukan kerajaan pusat terhadap Kelantan, berkata ia berlaku dalam pembahagian baja dan pengagihan kontrak kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK).

Katanya setakat ini kerajaan pusat tidak memberi peluang kepada PKINK mendapatkan kontrak yang dikeluarkan kerajaan pusat kecuali sub kontrak.

Beliau berkata kerajaan negeri terpaksa memperuntukkan sendiri sebanyak RM3.5 juta setahun bagi menyediakan baja kepada petani berikutan Umno didakwa memberi baja kepada anggota parti itu sahaja.

Katanya tindakan ini seolah-olah cuba mempengaruhi petani supaya menyertai Umno terlebih dahulu sebelum berhak mendapat baja padi subsidi kerajaan pusat dan ini adalah salah kerana petani itu adalah rakyat negara ini yang berhak dibantu kerajaan.

-- BERNAMA

MNR RON